

Banjir di Kota Star, Pendang buruk

SH 27/10/2006

Oleh Johari Ibrahim

ALOR STAR: Keadaan banjir di daerah Kota Star dan Pendang bertambah buruk semalam dengan 331 keluarga membabitkan 1,340 mangsa ditempatkan di pusat pemindahan di kedua-dua daerah.

Di Kota Star, jumlah mangsa yang terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan bertambah kepada 1,132

semalam daripada 611 kelmarin.

Jumlah mangsa di daerah itu yang dipindahkan semalam adalah daripada 284 keluarga berbanding 162 keluarga kelmarin.

Sementara itu, di Pendang, 47 keluarga membabitkan 208 mangsa dipindahkan ke pusat pemindahan di Kompleks Rakan Muda Pendang semalam berbanding 16 keluarga dengan 124 mangsa kelmarin.

FAKTA NOMBOR

Mangsa banjir dipindah

1,340

Di Pendang

1,132

Di Kota Star

Sebanyak 17 pusat pemindahan dibuka di daerah Kota Star semalam berbanding 16 kelmarin.

Petugas Bilik Gerakan Banjir Negeri Kedah di Wisma Darulaman berkata, keadaan di Kubang Pasu semakin pulih.

Banjir di Kota Star dan Pendang dijangka bertambah buruk apabila paras air di Sungai Pendang semalam melebihi paras bahaya.